

Mesej Tiga

**Elisa ialah Tamsil bagi Kristus dalam Ministri Kurnia-Nya dalam Hayat dan sebagai Manusia Tuhan, Dia Bergerak Laku sebagai Wakil Tuhan, sebagai Pemangku Tuhan**

Bacaan Bible: 2 Raj. 2:19-22; 4:1—6:7

- I. Elisa ialah tamsil bagi Kristus yang melakukan mukjizat kurnia dalam hayat—2 Raj. 4:9; Luk. 4:27:**
- A. Dalam penggenapan tamsil dan lambang dalam Wasiat Lama, Kristus ialah Elisa sejati; sebagai Elisa sejati, Tuan Yesus ialah penyabda yang manis dan menyenangkan, penyabda yang memberi berkat—2 Raj. 4:9; Luk. 4:27; 7:11-17.
  - B. Elisa ialah tamsil dalam Wasiat Lama yang mewakili ekonomi Wasiat Baru Tuhan dalam kurnia:
    1. Kurnia ialah Tuhan melakukan segala-gala untuk kita dengan memberi diri-Nya kepada kita sebagai kenikmatan kita—Yoh. 1:1, 14-17.
    2. Kurnia ini menghasilkan hayat divin yang kaya dan tinggi sehingga menjadikan kita raja bersama-sama Kristus—Roma 5:17.
  - C. Mukjizat yang dilakukan Elisa dengan menyembuhkan air di Yerikho dan mukjizat yang dilakukan Tuan Yesus dengan menukar air kepada wain mempunyai makna yang sama—menukar maut menjadi hayat—2 Raj. 2:4, 19-22; Yoh. 2:1-11.
  - D. Elisa memanggil benda yang tidak wujud menjadi wujud; hal ini sama dari segi prinsip dengan apa yang dilakukan Tuan Yesus semasa Dia memberi makan kepada orang banyak—2 Raj. 4:1-7, 8-17, 42-44; Mat. 14:14-21; 15:32-39.
  - E. Elisa membangkitkan orang yang mati daripada maut, memberi hayat kepada orang yang mati, sama seperti perkara yang dilakukan oleh Tuan Yesus secara fizikal dan juga secara rohani—2 Raj. 4:18-37; Luk. 7:11-17; Yoh. 11:41-44; 5:25.
  - F. Elisa menawarkan racun labu liar dengan tepung adalah sama dari segi prinsip dengan Tuan Yesus menyembuhkan disipal-disipal-Nya daripada ragi orang Farisi dengan diri-Nya sebagai tepung halus—2 Raj. 4:41; Mat. 16:12.
  - G. Elisa menyebabkan kepala kapak yang jatuh ke dalam air itu terapung dengan menggunakan sebatang kayu; hal ini menandakan Kristus, menerusi salib-Nya dan dalam kebangkitan, memulihkan kudrat yang hilang pada pendosa yang telah jatuh ke dalam air maut—2 Raj. 6:6; Ef. 2:1-6.
  - H. Elisa melakukan mukjizat penyembuhan divin untuk orang lain, tetapi menurut kehendak Tuhan, dia sendiri tidak disembuhkan oleh mukjizat; inilah pengalaman Paulus dan rakan-rakan sekerjanya—2 Raj. 13:14:
    1. Paulus meninggalkan Trofimus yang sakit itu di Miletus tanpa berdoa agar dia disembuhkan dan tidak menggunakan kurniaan penyembuhannya untuk menyembuhkan Timotius daripada penyakit perutnya—2 Tim. 4:20; 1 Tim. 5:23; Kis. 19:11-12.
    2. Paulus dan rakan-rakan sekerjanya berada di bawah disiplin hayat dalaman pada masa penderitaan itu, bukan di bawah kudrat kurniaan luaran:
      - a. Yang pertama itu berkenaan kurnia dalam hayat; yang terkemudian pula berkenaan kurniaan dalam kudrat—kudrat bersifat mukjizat.
      - b. Semasa kemunduran gereja dan semasa seseorang menderita untuk gereja, kurniaan kudrat tidak begitu diperlukan berbanding dengan kurnia dalam hayat—2 Tim. 4:22.
  - I. Walaupun tubuh Elisa sudah mati, namun dia masih meminister dalam roh untuk menghidupkan orang yang mati—2 Raj. 13:21:

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Tiga (sambungan)

1. Bahkan Elisa yang mati dapat menghidupkan orang.
  2. Ini menggambarkan Kristus dalam kebangkitan—Yoh. 11:25; Kis. 2:24; Flp. 3:10:
    - a. Sesiapa yang menyentuh Dia akan hidup.
    - b. Kelahiruan berlaku ketika orang yang mati dari segi rohani menyentuh Kristus yang mati dan bangkit, lalu dia dihidupkan—bd. Yoh. 5:25; Ef. 2:1-6a.
- II. Seperti Musa, Samuel, dan Paulus, Elisa, iaitu manusia Tuhan, bergerak laku sebagai wakil Tuhan, sebagai pemangku Tuhan, di bumi—2 Raj. 4:9:**
- A. Yehova memberitahu Musa bahawa Dia telah menjadikannya Tuhan bagi Firaun—Kel. 7:1a:
1. Pada Musa, Tuhan telah memperoleh seorang yang mewakili-Nya dan melaksanakan kehendak-Nya; Musa tidak pernah bercakap kepada Firaun menurut dirinya tetapi selalu membicarakan apa yang diberitahukan Tuhan kepadanya—3:16-18; 5:1.
  2. Firaun sebenarnya bukan mendengar kata-kata Musa, yakni duta Tuhan, dan berurusan dengannya; dia mendengar sabda Tuhan dan berurusan dengan Tuhan.
- B. Samuel ialah wakil Tuhan untuk memerintah umat-Nya di bumi; dengan itu, Samuel ialah pemangku Tuhan—1 Sam. 1:11; 2:35; 7:3; 8:22:
1. Samuel dapat menjadi pemangku Tuhan kerana dirinya dan hati Tuhan adalah satu—2:35:
    - a. Dia seorang yang menurut hati Tuhan, iaitu dia ialah suatu salinan, duplikasi, bagi hati Tuhan.
    - b. Kehidupan dan kerja Samuel adalah untuk melaksanakan segala-gala yang ada dalam hati Tuhan.
  2. Samuel ialah sabdaan Tuhan dan pentadbiran Tuhan; dengan itu, dia ialah pemangku Tuhan.
- C. Dalam ministri Paulus, dia sebagai manusia Tuhan ialah pemangku Tuhan ketika melipurkan percayawan, bergerak laku dalam kemurnian Tuhan, mengekspresikan kecemburuan Tuhan, dan menjadi seorang duta Kristus untuk melaksanakan ministri perdamaian—2 Kor. 1:3-4, 12; 11:2; 5:20:
1. Sepanjang pelayaran Paulus yang lama dan malang serta dalam tahanan, Tuhan memelihara dia dalam keunggulan-Nya dan membolehkan dia menjalani kehidupan yang jauh melangkaui alam kekhuatiran—Kis. 27:13—28:9:
    - a. Kehidupan ini penuh kehormatan, dengan standard virtu insani tertinggi yang mengekspresikan atribut divin yang paling unggul, iaitu kehidupan yang menyerupai kehidupan yang dijalani Tuan Yesus sendiri di bumi beberapa tahun sebelumnya.
    - b. Inilah Yesus yang hidup sekali lagi di bumi dalam keinsanan-Nya yang diperkaya secara divin.
    - c. Inilah Tuhan-manusia yang ajaib, unggul, dan penuh misteri, yang hidup dalam buku Injil dan terus hidup dalam Kisah Para Dutus menerusi seorang daripada anggota-Nya yang banyak.
  2. Percayawan Wasiat Baru dapat menjadi sama seperti Paulus dengan berfungsi sebagai pemangku Tuhan—1 Tim. 1:16.
- III. Sebagai umat yang dipilih, ditebus, dan dilahirkan, yang bersatu dengan Tuhan, dikonstitusikan dengan Tuhan, berhidupkan Tuhan, mengekspresikan**

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Tiga (sambungan)

#### **Tuhan, bergerak bersama dengan Tuhan, dan mewakili Tuhan, kita dapat berfungsi sebagai pemangku Tuhan—Ef. 1:4-5:**

- A. Sebagai umat yang dipilih, ditebus, dan dilahirkan Tuhan, kita harus bersatu dengan Tuhan—1 Kor. 6:17:
  - 1. Prinsip asas Bible ialah: Dalam ekonomi Tuhan, Dia menjadikan diri-Nya satu dengan manusia dan menjadikan manusia satu dengan-Nya—Yoh. 15:4.
  - 2. Tuhan berhasrat agar hayat divin dan hayat insani digabungkan bersama-sama menjadi satu hayat yang mempunyai satu kehidupan—1 Kor. 6:17.
- B. Kita perlu dikonstitusikan dengan Tuhan—Ef. 3:17a; Kol. 3:10-11:
  - 1. Ekonomi Tuhan ialah mendispenkan diri-Nya ke dalam diri kita supaya diri kita dapat dikonstitusikan dengan diri-Nya untuk menjadi satu konstitusi dengan diri-Nya—Ef. 3:17a; 4:4-6.
  - 2. Dalam hayat divin dan melalui kerja daripada hukum hayat divin, Tuhan akan digarapkan ke dalam kita dan kita akan dikonstitusikan dengan-Nya dalam hayat dan sifat-Nya—Roma 8:2, 6, 10-11, 29.
- C. Sebagai orang yang bersatu dengan Tuhan dan dikonstitusikan dengan Tuhan, kita harus berhidupkan Tuhan—Flp. 1:21a:
  - 1. Menurut ekonomi Tuhan, hasrat-Nya ialah menyalurkan elemen-Nya, substan-Nya, dan ramuan daripada sifat-Nya ke dalam diri kita supaya kita dapat berhidupkan-Nya—Roma 8:2, 6, 10-11.
  - 2. Kehidupan harian kita sebenarnya harus merupakan Tuhan sendiri dan dengan itu menjadi kehidupan yang sentiasa berhidupkan Tuhan—1 Tes. 2:12; 1 Kor. 10:31.
- D. Kita harus mengekspresikan Tuhan—Kej. 1:26; 2 Kor. 3:18; Roma 8:29; Kol. 3:10:
  - 1. Tujuan abadi Tuhan ialah menggarapkan diri-Nya ke dalam kita untuk menjadi hayat kita agar kita dapat mengekspresikan-Nya—Ef. 1:11; 3:11; 2 Tim. 1:9.
  - 2. Matlamat Tuhan dalam ekonomi-Nya ialah kita bersatu dengan-Nya dan berhidupkan-Nya demi ekspresi korporat-Nya—1 Kor. 6:17; Flp. 1:21a; Ef. 1:22-23.
- E. Sebagai orang yang mengekspresikan Tuhan, kita harus bergerak bersama dengan Tuhan—Yos. 1:1-9; 6:1-16:
  - 1. Tuhan memerlukan bani Israel bekerjasama dengan-Nya dalam pergerakan-Nya dalam roda besar ekonomi-Nya—1:1-9; 6:1-16.
  - 2. Kita perlu bersatu dengan Tuhan dalam hasrat hati-Nya dan dalam pergerakan-Nya di bumi—Ef. 1:5, 9; Wahi 14:1-4.
- F. Apabila kita bergerak bersama dengan Tuhan, kita harus mewakili Tuhan—Kej. 1:26-28:
  - 1. Untuk mewakili Tuhan dengan kuasa, kita harus mengekspresikan Tuhan dalam hayat; oleh sebab Harun mempunyai hayat kebangkitan untuk mengekspresikan Tuhan, dia mempunyai kuasa untuk mewakili Tuhan—ay. 26; 2:9; Bil. 17:1-8.
  - 2. Cara yang wajar untuk bekerja demi Tuhan ialah mewakili Tuhan—Kel. 7:1-2.
- G. Jika kita bersatu dengan Tuhan, dikonstitusikan dengan Tuhan, berhidupkan Tuhan, mengekspresikan Tuhan, bergerak bersama dengan Tuhan, dan mewakili Tuhan, kita dapat berfungsi sebagai pemangku Tuhan:

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Tiga (sambungan)

1. Tuhan dapat menjadikan kita sama seperti Dia dalam hayat, sifat, ekspresi, dan fungsi untuk melaksanakan ekonomi-Nya—Kol. 3:4; 2 Ptr. 1:4; Ef. 3:9.
2. Dalam ministri penyabda Elisa sebagai manusia Tuhan, dia bergerak laku sebagai wakil Tuhan, sebagai pemangku Tuhan; hari ini kita, yakni percayawan dalam Kristus, juga dapat berfungsi sebegini dalam ekonomi-Nya sebagai pemangku Tuhan—2 Raj. 4:9; 1 Tim. 6:11; 2 Tim. 3:17.